

30/09/2003

Belajar berfikir daripada dokumentari TV

Azimi Daim

RUANGAN ini menerima pertanyaan daripada beberapa pihak, baik yang muda atau lebih dewasa berikutan coretan minggu lalu. Kebanyakannya bertanya cara berfikir yang perlu dibentuk pula jika anak-anak bersama ibu bapa menonton pelbagai filem di televisyen. Contohnya filem Hindustan, kisah seram, filem aksi Hollywood atau drama dari Mexico.

Sebenarnya, memang banyak yang menonton televisyen berdasarkan minat. Ada yang minat menonton filem, drama, rancangan hiburan dan dokumentari. Minat pula banyak bergantung kepada kecenderungan yang dipupuk oleh keluarga dan rakan sekeliling. Jika ibu bapa berminat, sabar dan berusaha untuk membentuk cara berfikir anak dalam tabiat menonton televisyen, maka usaha itu akan membuahkan hasil.

Seperti yang disebut dalam ruangan ini minggu lalu, fikiran anak hendaklah dikembangkan kepada meneka kejadian yang bakal berlaku dalam filem atau drama yang ditontonnya. Pada peringkat awal, kaedah mengajak anak meneka ini mungkin satu permainan biasa di kalangan keluarga. Namun, sampai pada satu peringkat akal mereka semakin tajam dan dapat meneka dengan cepat. Akhirnya mereka jemu hendak terus menonton sebarang filem yang sama jalan penyudahnya.

Kebanyakan filem mempunyai jalan cerita dan akhir yang sama, apa lagi filem Hindustan dan keluaran Hollywood. Jika anak dapat dikembangkan mindanya ke tahap yang tajam, mereka bakal menjadi golongan yang banyak berfikir dan berpandangan jauh.

Golongan ini akan berpuas hati apabila minda mereka teruji oleh pengarah filem atau bahan yang ditontonnya menyuntik perkembangan pengetahuannya. Menonton adalah satu kaedah pembelajaran atau menimba ilmu yang sama dengan pemerhatian dalam hidup seharian.

Contohnya, anak-anak boleh diajak menonton dokumentari alam sekitar di televisyen mengenai burung yang berhijrah dari hemisfera utara ke selatan dan sebaliknya setiap tahun.

Banyak persoalan timbul. Mengapa burung terbang berkumpulan, apa sebabnya ia terbang dalam bentuk 'V', adakah fauna itu perlu menjelajah udara pada paras tertentu dan tidak pernahkah berlanggar dengan pesawat?

Mungkin pembaca ada menonton kisah dokumentari ini. Kawan burung yang terbang ini membentuk 'V' bagi menghasilkan kelebihan aerodinamik supaya rintangan dapat dikurangkan. Pada bahagian belakang mereka satu ruang udara wujud untuk burung yang penat melegakan lelahnya.

Burung yang berada di depan sekali pula biasanya adalah yang terkuat kerana rintangan angin paling kuat di kedudukan itu. Apabila penat, ia akan ke belakang, lalu rakan lain mengambil giliran. Burung pun tahu sistem giliran dan beralih kedudukan.

Jika pembaca menonton dokumentari seumpamanya, pasti pertanyaan ini terjawab.

Demikian halnya kebanyakan burung itu berhijrah. Namun, tabiat burung yang terbang dengan kayuhan kepak yang pantas seperti burung penghisap madu mempunyai perkiraan yang berbeza.

Oleh kerana kibasan yang terlalu pantas, burung jenis ini memerlukan tenaga yang banyak. Tenaga itu juga digunakan banyak dalam waktu yang singkat, bermakna tenaganya cepat habis dan sumber perlu diganti sebaik kepenatan.

Tahukah anda, burung jenis ini yang tinggal di kawasan iklim sejuk turut berhijrah. Risiko besarnya adalah kematian jika tidak berpindah. Ketika

berpindah, maut juga menimpa jika tenaganya habis ketika di tengah laut yang direntasnya.

Keadaan ini sebenarnya samalah dengan jet pejuang tentera yang mampu terbang dengan pantas. Pesawat ini perlu mengisi minyak selepas jarak dan waktu tertentu.

Itulah sebabnya Amerika Syarikat memerlukan kebenaran negara yang berdekatan seperti Arab Saudi, Kuwait dan Turki untuk menyediakan pangkalan tentera udaranya ketika hendak mencerooboh Iraq, Mac lalu.

Kini selepas membaca beberapa perenggan apakah perasaan anda? Keseronokan belajar daripada menonton itu akan lebih dapat dirasai apabila menonton rancangannya di televisyen.

Golongan berfikiran tajam dan sentiasa berfikir akan dapat menggunakan tabiatnya itu untuk pelbagai hal. Contohnya, menerja agenda pihak asing memporak-peranda Malaysia dan parti politik memerintah apabila majalah BusinessWeek menyerang Perdana Menteri kita menerusi tulisannya.

Tindakan majalah ini adalah rentetan kegagalan Asiaweek dan Far Eastern Economic Review melaksanakan usaha itu dengan berkesan. Sebelum itu rencana temu bual Bloomberg juga menyelitkan secara halus usaha memecah-belahkan Malaysia (malangnya ada akhbar tempatan yang menyiarkan rencana itu).

Selain isu kronisme dan nepotisme, media massa itu juga cuba mempersoal kewibawaan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Antara soalan utama mereka: "Adakah Pak Lah dapat meneruskan kemajuan Malaysia seperti Dr Mahathir?" Tujuan mereka adalah untuk melemahkan imej Pak Lah sambil mengundang pertandingan dalam parti memerintah.

Tentunya golongan yang tajam akal dapat menerja jauh agenda asing ini. Pecah Melayu, pecah perpaduan Malaysia, akhirnya orang asing datang dengan budaya menjajah. Jelasnya, ketajaman akal dan kekuatan minda bakal menjadi benteng kukuh kemerdekaan negara bagi generasi akan datang. Salam keamanan, pastikan kemerdekaan.